

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 5/2003

PENYENARAIAH BANK/INSTITUSI KEWANGAN /SYARIKAT SWASTA DI DALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 9hb. April, 2003 dan 30hb. April, 2003 semasa menimbang Kertas Bil. 7/346/2003(30), 7/346/2003(31) dan 9/417/2003(16) telah membuat keputusan bersetuju meluluskan Bank/Institusi Kewangan/Syarikat Swasta bagi membolehkan ianya menerima dan memegang gadaian tanah-tanah dalam Negeri Kelantan.

2. Bank/Institusi Kewangan/Syarikat Swasta ini telah disiarkan didalam Warta Kerajaan Kelantan untuk dimasukkan didalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sebagaimana berikut :-

BANK /INSTITUSI KEWANGAN / SYARIKAT SWASTA	JADUAL D ERM 1930		JADUAL 26A ETK 1938	
	NO. WARTA	TARIKH KUAT KUASA	NO. WARTA	TARIKH KUAT KUASA
1. AM Finance Berhad	Kn. P.U. 9	24.04.2003	Kn. P.U. 11	24.04.2003
2. Kurnia Insurans (Malaysia)Berhad	Kn.P.U. 10	24.04.2003	Kn.P.U. 12	24.04.2003
3. Am Bank Berhad	Kn.P.U. 16	05.06.2003	Kn.P.U. 17	05.06.2003

3. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Bank/Institusi Kewangan/Syarikat Swasta iaitu Arab-Malaysian Bank Berhad dan MBF Finance Berhad adalah dibatalkan.

4. Sehubungan dengan itu Semua Pentadbir Tanah bolehlah menerima segala urusan yang berhubung dengan senarai yang terjadual di atas.

(Abdul Halim Bin Hj. Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

Kepada :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

Salinan kepada:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha , Kerajaan Tempatan.
9. FF.PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh : 7 September 2003

Fail : PTG.KN 4485/Jld.2(15)